

Panasonic peroleh pengiktirafan QTEC dengan teknologi nanoe™ bagi menghalang penyebaran novel Coronavirus SARS-CoV-2

- Manfaat radikal hidroksil yang dibebaskan oleh nanoe™ X termasuk meneutralkan udara dan menambah baik persekitaran dalaman di rumah, tempat kerja dan riadah
- Gedung runcit, kemudahan pengangkutan awam dan perkampungan Olimpik antara industri di Jepun yang menggunakan teknologi nanoe™ Panasonic
- Panasonic bekerjasama dengan pemain industri terkemuka untuk menawarkan udara yang berkualiti kepada rakyat Malaysia dengan teknologi nanoe™ X

Kuala Lumpur, 20 Januari 2022 – Dengan misi untuk meningkatkan tahap kualiti udara dalam situasi Pandemik COVID-19, Panasonic Corporation telah membuktikan keupayaannya melalui teknologi Nanoe yang dijangka dapat mengurangkan kebolejangkitan empat varian baharu virus Corona (SARS-CoV-2) melalui keberkesanan yang telah diluluskan oleh Pusat Kualiti dan Teknologi Produk Tekstil Jepun (QTEC).

Panasonic telah menjalankan kajian ke atas teknologi ini sejak 1997 dan menyedari keberkesanannya dalam pelbagai bidang, termasuk menghalang mikroorganisma patogenik (bakteria, kulat, dan virus) dan alergen, dengan menguraikan komponen PM 2.5 yang mendatangkan kesan buruk kepada badan manusia¹.

Dalam ujian pengesahan terkini yang dilakukan pada September 2021, titer virus bagi coronavirus baharu (SARS-CoV-2) dan empat variannya (Alfa, Beta, Gama, dan Delta) telah dibandingkan di dalam ruang ujian 45-liter dengan dan tanpa pendedahan kepada nanoe™. Hasilnya, ujian tersebut mengesahkan bahawa kesan nanoe untuk menyekat lebih daripada 99% aktiviti virus yang terdapat daripada semua lima jenis virus selepas dua jam pendedahan².

Teknologi nanoe™, yang merupakan teknologi hak milik Panasonic, ialah pengion yang menghasilkan “zarah air berukuran atom nano” menggunakan teknologi pengatoman elektrostatik. Teknologi ini mengumpulkan lembapan yang tidak boleh dilihat di udara dan menggunakan voltan tinggi untuk menghasilkan “radikal hidroksil” yang terkandung di dalam air. Radikal hidroksil yang reaktif dan oksidatif berpotensi untuk menghalang aktiviti bahan pencemar, menguraikan dan meneutralkan kesan yang tidak diinginkan, seterusnya menambah baik kualiti udara di ruang dalaman. Dengan penyelidikan dan pembangunan yang menyeluruh, Panasonic telah memperkenalkan teknologi nanoe™ X yang membebaskan 10 kali dan 20 kali ganda lebih banyak radikal hidroksil berbanding nanoe.

Kesan ini terbukti teknologi nanoe™ Panasonic telah memperoleh penggunaannya secara meluas di serata Jepun. Daripada industri automotif dan kereta api kepada sektor hotel dan perlancongan, penyelesaian udara yang dilengkapi teknologi nanoe™ dan nanoe™ X kini boleh didapati dalam 40 model kereta Jepun dan Eropah, pengangkutan rel Jepun, kedai serbaneka, hotel, sekolah dan juga di perkampungan sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020. Baru-baru

¹ Siaran utama mengenai kes penentusahan

² Keputusan penentusahan adalah berasaskan persekitaran ujian tertutup dan bukan dalam ruang sebenar yang digunakan

ini, jenama kenderaan mewah Jaguar Land Rover menggabungkan teknologi nanoe™ X ke dalam sistem HVAC rangkaian kenderaan Range Rover baharu.

Di Malaysia, aplikasi komersial penyelesaian nanoe™ X Panasonic telah diguna pakai oleh S P Setia, WCT Holdings, Platinum Victory, PKT Logistics, Tan Chong Group, Yamaha Music School, QRA Grocer, Sunway Malls, WORQ dan juga bangunan Parlimen.

“Kualiti udara dalaman amat penting untuk menjamin kualiti hidup individu dan sebagai pakar kualiti udara, Panasonic telah mencapai pelbagai kemajuan dalam bidang kejuruteraan untuk membekalkan udara yang lebih bersih – lebih-lebih lagi ketika pandemik. Di sinilah teknologi nanoe™ X kami boleh dimanfaatkan, dalam bentuk penulen udara untuk membersihkan udara dalaman dan permukaan sekeliling. Aplikasi ini berfungsi dalam ruang kecil mahupun besar dan telah digunakan oleh kebanyakan syarikat untuk menyediakan persekitaran yang bersih dan selamat untuk pelanggan dan juga pekerja,” kata Cheng Chee Chung, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Bagi S P Setia, lebih daripada 400 unit Penjana nanoe™ X Mudah Alih Panasonic telah dipasang di semua 29 bilik pameran jualannya di seluruh negara. Alat tersebut memainkan peranan penting untuk mewujudkan “Freedom Bubble” syarikat – iaitu zon selamat daripada COVID-19 di mana pengunjung yang telah lengkap divaksin mendapat ketenangan apabila mengunjungi hartanah S P Setia. Datuk Seri Koe Peng Kang, Ketua Pegawai Operasi S P Setia Bhd menyatakan bahawa matlamat syarikat ialah untuk membantu pelanggan HIDUP, BELAJAR, BEKERJA dan BERMAIN tetapi memandangkan pandemik telah mengubah gaya hidup dan pendekatan kepada kebersihan diri, kita perlu mentakrifkan semula konsep dan membina semula keyakinan dan kepercayaan pelanggan.

“Ketenangan fikiran kini sesuatu yang amat dihargai, kerana dengan mengurangkan kebimbangan, pembeli boleh membuat salah satu keputusan paling penting dalam hidup mereka dengan tenang, iaitu membeli hartanah. Oleh yang demikian, kami melihat kerjasama dengan Panasonic Malaysia adalah tepat pada masanya kerana S P Setia telahpun membuka semula bilik pameran kepada pembeli kami. “Freedom Bubble” ini akan mempunyai persekitaran yang lebih bersih, bebas kuman untuk memastikan pelanggan boleh HIDUP, BELAJAR, BEKERJA DAN BERMAIN dalam norma baharu ini,” kata Koe.

WCT Holdings ialah satu lagi pemain di dalam industri hartanah yang berganding bahu dengan Panasonic Malaysia untuk melengkapkan tawarannya dengan penyelesaian penulen udara Panasonic. Dengan pelaburan kira-kira RM800,000 dalam inisiatif ini, syarikat bertekad untuk memberikan tahap perlindungan yang lebih tinggi selain daripada menyediakan kemudahan pembersihan, nyahjangkit dan protokol penjarakan sosial yang dilaksanakan dengan teliti dan dari masa ke masa di seluruh premis WCT.

Dato’ Lee Tuck Fook, Pengarah Urusan Kumpulan WCT menyatakan bahawa walaupun perlindungan di luar amat penting, keselamatan ruang dalaman juga tidak kurang penting, malah mungkin lebih penting lagi. “Memandangkan perniagaan runcit dan gedung beli-belah telah mula membuka pintu kepada pelanggan, kami kini menyaksikan pertambahan bilangan pengunjung, terutamanya di gedung-gedung beli-belah kami. Kami mahu pelanggan menikmati pengalaman dan mendapatkan ketenangan fikiran apabila mengunjungi mana-mana kemudahan kami. Di WCT, kami sentiasa mengutamakan pengunjung dan pekerja kami.”

Pengendali ruang perkongsian pejabat, WORQ, juga telah melabur dalam pembersih udara Panasonic, iaitu penjana siling Air-e nanoe™ X, di semua cawangannya kerana mereka yakin bahawa kualiti udara dalaman amat penting demi kesihatan yang baik. “Semasa WORQ bersedia untuk membuka semula ruang pejabatnya dan mengalu-alukan kepulangan ahli-ahli, kami sedar bahawa ramai yang khuatir tentang risiko virus Covid-19 merebak menerusi zarah dan titisan bawaan udara. Menyedari hakikat ini, kami telah berbincang dengan beberapa pihak untuk meninjau cara kami boleh menyediakan ruang kerja yang selamat untuk ahli-ahli kami kembali bekerja di WORQ. Hasil usaha sama dengan Panasonic, ahli-ahli kami kini boleh bekerja secara produktif dengan fikiran yang tenang,” kata Stephanie Ping dan Andrew Yeow, pengasas WORQ.

Kebanyakan produk penyelesaian udara Panasonic dalam kategori pengguna dan komersial menggunakan teknologi nanoe™ X. Untuk kegunaan rumah, rangkaian pembersih udara, penyaman udara, penjana siling Air-e nanoe™ X dan penjana nanoe™ X mudah alih dilengkapi dengan teknologi nanoe™ X, menjadikannya amat sesuai untuk mengudarakan ruangan kehidupan. Sementara itu, operasi komersial pula menggunakan NX series terbaharu Panasonic, iaitu sistem pendingin udara pakej tunggal yang terdiri daripada kombinasi 1-kepada-1 (1 unit dalaman dan 1 unit luaran) merangkumi pelbagai jenis unit dalaman seperti Kaset, Saluran, Dinding dan Siling.

Untuk maklumat lanjut mengenai nanoe™ X, layari <https://www.panasonic.com/my/nanoe/all/how-nanoe-works.html>

PANASONIC nanoe™ X

- **Teramat halus** – Sehalus satu persebilion meter padu, zarah nanoe™ X adalah lebih kecil daripada zarah wap, lantas boleh menembusi jauh ke dalam fabrik untuk menghilangkan bau kurang menyenangkan
- **Isi padu besar** – nanoe™ X Generator Mark 2 menghasilkan 9.6 trilion radikal hidroksil sesaat. Isi padu radikal hidroksil lebih besar yang dihasilkan oleh nanoe™ X menghasilkan prestasi lebih tinggi untuk menyekat bahan cemar
- **Mengisi ruangan secara aktif** – nanoe™ X mengisi ruangan seluruh bilik secara aktif dan menjangkau penapis untuk menyekat bahan cemar yang terlekap atau wujud di udara
- **Jangka hayat lebih lama** – Radikal hidroksil, nanoe™ X, yang terkandung di dalam air, mempunyai jangka hayat lebih lama, jadi ia tersebar secara lebih luas di seluruh bilik
- **Zarah bukan kimia yang selamat** – Tahap keselamatan nanoe™ X telah diuji di makmal dan institusi
- **Tidak perlu disenggara** – Tidak perlu penyenggaraan atau penggantian: nanoe™ X dihasilkan oleh peranti yang diperbuat daripada titanium yang tidak memerlukan penyenggaraan

TAMAT

Mengenai Panasonic

Panasonic Corporation ialah pemimpin global yang membangunkan teknologi dan penyelesaian inovatif untuk pelbagai aplikasi dalam sektor elektronik pengguna, perumahan, automotif dan B2B. Syarikat ini, yang meraikan ulang tahun ke-100 pada 2018, mempunyai 522 anak syarikat dan 69 syarikat bersekutu di seluruh dunia dan melaporkan jualan bersih disatukan berjumlah 6,698.8 bilion yen untuk tahun berakhir 31 Mac 2021. Bertekad untuk menjana nilai baharu menerusi inovasi berasaskan kerjasama, syarikat memanfaatkan teknologinya untuk membina kehidupan lebih baik dan dunia lebih menarik bagi pelanggan. Layari <https://www.panasonic.com/global> untuk maklumat lanjut tentang Panasonic.

Mengenai Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah sebuah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran bagi produk elektrik dan elektronik jenama Panasonic, termasuk produk audiovisual, peranti rumah, pendingin udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, kelengkapan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, kesihatan penjagaan kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi wakil-wakil penjual sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang jenama dan produk, kunjungi laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Hubungan Media

Hoh Li Jiun

Pengurus Besar

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

E-mel: lijiun.hoh@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7695

Mazlee Mokhtar

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

E-mel: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7877